

# PEKELILING NAIB CANSOLOR

**Bilangan 27 Tahun 2020**

## **PEKELILING PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) KEPADA PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) DI SABAH, SELANGOR, WP KUALA LUMPUR DAN WP PUTRAJAYA**

### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) kepada pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Sabah, Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya bagi melandaikan lengkungan wabak COVID-19.

### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Merujuk kepada sidang media oleh YB Menteri Kanan Pertahanan dan selaras dengan keputusan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 12 Oktober 2020 telah menetapkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh negeri Sabah berkuat kuasa jam 12.01 tengah malam, 13 Oktober hingga 26 Oktober 2020. Manakala seluruh negeri Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya berkuat kuasa jam 12.01 tengah malam, 14 Oktober hingga 27 Oktober 2020.
- 2.2 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil.33/2020 pada 14 Oktober 2020 telah meluluskan pelaksanaan PKPB kepada pelajar UiTM di Sabah, Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya.
- 2.3 Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan dalaman khusus kepada para pelajar dalam usaha untuk mencegah penularan wabak COVID-19.

### **3.0 PELAKSANAAN**

Arahan pelaksanaan kepada pelajar yang perlu diambil perhatian adalah seperti berikut:

- 3.1 Semua pelajar yang berada di kolej kediaman termasuk yang terlibat dengan tugas kritikal dan penyelidikan tidak dibenarkan keluar daripada kawasan kampus sepanjang tempoh PKPB berkuat kuasa bagi tujuan memutuskan rantaian penularan COVID-19.

- 3.2 Pelajar dibenarkan membeli makanan, minuman serta mendapatkan keperluan harian yang lain di semua kafeteria, kedai runcit dan *minimart* di kolej kediaman yang akan beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh PKPB.
- 3.3 Semua pelajar boleh menggunakan kemudahan pengangkutan bas di kampus sepanjang tempoh PKPB mulai 13 Oktober 2020 hingga 27 Oktober 2020 bermula jam 7.00 pagi hingga 6.00 petang.
- 3.4 Semua tempat riadah awam dan pusat rekreasi adalah ditutup. Sehubungan itu, hanya aktiviti bersukan secara individu sahaja dibenarkan. Namun begitu, aktiviti riadah, sukan dan rekreasi secara berkumpulan adalah tidak dibenarkan.
- 3.5 Mana-mana pelajar yang telah berjaya dalam permohonan rayuan untuk mendapatkan kemudahan kolej kediaman, penempatan di kolej tersebut adalah kekal walaupun pelajar tidak hadir mendaftar di kolej pada atau sebelum 16 Oktober 2020.
- 3.6 Perkhidmatan *GrabFood/Food Panda/Perkhidmatan Menghantar Makanan* dibenarkan untuk menghantar pesanan makanan sehingga ke kolej kediaman pelajar.

#### **Pelaksanaan Aktiviti Akademik Atau Penyelidikan Di Dalam Kampus**

- 3.7 Kesemua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) akan diadakan secara *Open and Distance Learning (ODL)* sepenuhnya.
- 3.8 Untuk sebarang aktiviti akademik yang melibatkan keperluan makmal bagi menyiapkan projek tahun akhir (FYP), disertasi dan tesis bagi pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Pra Diploma adalah ditangguhkan sepanjang tempoh PKPB.
- 3.9 Kerja-karya lapangan di luar kampus juga perlu ditangguhkan sepanjang tempoh PKPB.
- 3.10 Bagi aktiviti-aktiviti penyelidikan pascasiswazah yang kritikal, permohonan perlu dikemukakan oleh pihak Fakulti atau Pusat Tanggungjawab (PTJ) kepada Majlis Eksekutif Universiti (MEU) untuk ketetapan. Setiap permohonan perlu disertakan dengan deskripsi projek, SOP yang akan dikuatkuasakan, penilaian risiko dan perincian kaedah pengoperasian aktiviti (termasuk penggiliran masuk ke makmal dan sebagainya).

#### **4.0 TARIKH DIKELUARKAN**

Pekeliling ini dikeluarkan pada 14 Oktober 2020.

## 5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 14 Oktober 2020.

## 6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua **PELAJAR** Universiti Teknologi MARA di Sabah, Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya. Pekeliling ini hanya untuk **edaran dalaman sahaja**.
- 6.2 Pekeliling ini hendaklah **dibaca bersama**:
  - a. Pekeliling Naib Canselor Bilangan 17 Tahun 2020: Pekeliling Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)
  - b. Pekeliling Akademik Bilangan 16 Tahun 2020: Pelaksanaan Penyampaian Pengajaran dan Penilaian Pembelajaran Dalam Tempoh Pasca Puncak Wabak COVID-19 (Post-Peak COVID19)
  - c. Surat Bil. 100-UiTM (NC 6/2/1): Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat Secara Pentadbiran (PKPDP) bertarikh 15 September 2020.
  - d. Pekeliling Naib Canselor Bilangan 22 Tahun 2020: Pekeliling Arahan Pentadbiran Berkenaan Penggunaan Aplikasi MySejahtera dan Sistem SaringC19UiTM Sebagai Langkah Kawalan dan Pencegahan Penularan Wabak COVID-19 di Universiti Teknologi MARA
  - e. Pekeliling Naib Canselor Bilangan 23 Tahun 2020: Pekeliling Arahan Pentadbiran Berkenaan Kawalan dan Pencegahan Penularan COVID-19 Untuk Warga Universiti Teknologi MARA (UiTM)
  - f. Pekeliling Naib Canselor Bilangan 24 Tahun 2020: Pekeliling Arahan Pendaftaran Secara Fizikal/Bersemuka Serta Kemasukan Semua Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sesi Oktober 2020
  - g. Surat Bil. 100-UiTM (NC 6/2/1): Pemakluman Keputusan Majlis Eksekutif Universiti Bagi Penganjuran Kursus/ Seminar/ Latihan/ Aktiviti/ Majlis di Luar Premis UiTM bertarikh 2 Oktober 2020.
  - h. Surat Bil. 100-UiTM (NC 6/2/1): Arahan Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA Susulan Peningkatan Penularan Wabak COVID-19 bertarikh 7 Oktober 2020.
  - i. Pekeliling, surat pekelling, surat arahan dan pemakluman yang dikeluarkan oleh MKN, KKM, KPT dan UiTM dari semasa ke semasa.



**PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI BIN KASSIM**  
Naib Canselor

*Salinan Kepada:*  
*Semua Rektor UiTM Cawangan*  
*Semua Dekan Fakulti*  
*Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit*  
*Semua Warga UiTM*

*Bil. Fail* : 100-UiTM (NC 6/2)  
*No Siri* : 100-UiTM (NC 6/2) 27